

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN PRABAKARAN A/L M PARAMESWARAN  
[ BATU ]**

**TARIKH : 28 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN NO. 7**

Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [ Batu ] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan mengikut kajian, nyamuk mampu membiak walaupun di dalam rumah dan di antara langkah-langkah yang diambil dengan menggunakan “water based fogging” dengan melakukan semburan di dalam rumah. Walaupun begitu American Cancer Society menyatakan produk yang digelar “water based” tersebut mempunyai agen aktif yang dikenali sebagai Karsinogenik yang mampu memudarat individu dengan penyakit kanser. Jadi apakah tindakan Kementerian terhadap isu ini dan bagaimana cara untuk mengatasinya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua

Untuk makluman Yang Berhormat Batu, semua racun yang digunakan oleh Jabatan Kesihatan & Alam Sekitar (JKAS), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), adalah racun yang telah berdaftar dengan Lembaga Racun Makhluk Perosak dibawah Jabatan Pertanian. Racun-racun tersebut ada disertakan MSDS (*Medical Safety Data Sheet*) yang berkaitan. Setiap semburan perlu mengikut SOP yang di tetapkan,

## SOALAN NO : 7

dimana sepatutnya tiada penghuni berada di dalam rumah semasa semburan *indoor* dijalankan. Pendedahan kepada orang ramai adalah amat minima semasa aktiviti *fogging* dijalankan.

JKAS telah menghentikan penggunaan Aqua Resigen dalam aktiviti *fogging*. Untuk 3 tahun kebelakangan JKAS telah mengguna Aqua K Othrine, sejenis pyretheroid yang bahan aktifnya terdiri daripada Deltamethrin yang diguna untuk semburan di dalam rumah. Sehingga kini tiada bukti menunjukkan Deltamethrin sebagai penyebab mutasi atau karsinogenik kepada sel-sel haiwan yang diuji di dalam dan di luar makmal.

Untuk makluman Yang Berhormat Batu, dakwaan bahawa Aqua Resigen sebagai karsinogenik masih tiada bukti yang kukuh. Mohon Yang Berhormat Batu menyerahkan maklumat tersebut ke pejabat saya untuk di teliti.

Untuk makluman Yang Berhormat Batu, *American Cancer Society* pernah mendakwa bahawa ianya pernah menyebabkan kanser tetapi kesnya telah dibawa ke mahkamah dan pendapat *American Cancer Society* itu dipertikaikan kerana mereka menggunakan satu kadar dos yang terlalu tinggi. Penggunaan dos yang digunakan oleh pihak DBKL hanyalah 1:100 iaitu hanya lebih kurang 1% sahaja tetapi ujian yang dilakukan oleh *American Cancer Society* adalah lebih tinggi. Bila penggunaan bahan kimia dengan dos yang terlalu tinggi memang hampir semua bahan kimia akan berbahaya kepada manusia.

Sekian, terima kasih.